

KUALA LUMPUR, 15 JUN (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARD INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR ASING BAHAWA PERTUKARAN PUCUK PIMPINAN NEGARA INI TIDAK AKAN MEMBAWA KEPADA PERUBAHAN BESAR DALAM DASAR-DASAR EKONOMI DAN PERUSAHAAN MALAYSIA. TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA PERTUKARAN ITU TIDAK AKAN MENJEJAS PERKIRAAN SEKTOR SWASTA DAN MASA DEPAN SEKTOR ITU UNTUK MELABUR DAN MENDAPAT KEUNTUNGAN DI MALAYSIA, BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA 17 ORANG WAKIL DARIPADA PUSAT HAL EHWAL AWAM ANTARABANGSA EROPAH DI SATU MAJLIS TEKLIMAT DI BILIK GERAKAN NEGARA DI SINI.

ROMBONGAN ITU YANG TERDIRI DARI KETUA-KETUA EKSEKUTIF PERBADANAN PELBAGAI NEGARA EROPAH DAN AMERIKA MELAWAT DUA HARI CE SINI UNTUK BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DENGAN KERAJAAN MENGENAI PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PERUSAHAAN NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENEKANKAN BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MENGEKALKAN CORAK KERAJAAN YANG MUDAH DIRAMALKAN — SATU FAKTOR PENTING UNTUK MEMBOLEHKAN SEKTOR SWASTA MEMBUAT RANCANGAN SENDIRI BERHUBUNG DENGAN PELABURAN DAN PERTUMBUHAN.

—BERSAMBUNG 17340/HM

B568

MAHATHIR — PELABUR 2 KUALA LUMPUR

+SAYA INGIN MEMBERSAMAKAN JAMINAN BAHAWA PARA PELABUR ASING TIDAK PERLU BIMBANG TERHADAP CORAK KERAJAAN MALAYSIA YANG MUDAH DIRAMALKAN ITU DAN KOMITMEN KAMI TERHADAP KONSEP EKONOMI PERNIAGAAN BEBAS.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERIKRAR BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MENGALU-ALUKAN KEMASUKAN PELABURAN ASING KE NEGARA INI.

+KAMI AKAN MENERUSKAN DASAR INI KERANA KAMI SEDAR BAHAWA PELABUR ASING DENGAN TEKNOLOGI, PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN PENGURUSAN MEREKA, DAN YANG PALING PENTING, SALURAN PEMASARAN EKSPORT, AKAN MENYEDIAKAN KEPERLUAN ASAS UNYUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN CERGAS SEKTOR PEKILANGAN MALAYSIA,+ TAMBAHNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENYELAR SEBUAH NEGARA EROPAH KERANA MASIH BERPEGANG KEPADA +PENDAPAT YANG KETERLALUAN TERHADAP MALAYSIA.+

DENGAN RUJUKAN ITU YANG JELAS DITUJUKAN KEPADA BRITAIN, BELIAU BERKATA: +MISALNYA SEORANG DARI WAKIL NEGARA ITU KE SINI BARU-BARU INI MENDAKWA BAHAWA PEMBANGUNAN MALAYSIA LAHIR DARI NEGARANYA.+

KATAMBAH KEPADA WAKIL-WAKIL TERSEBUT: +ADANYA ANDA DI SINI ANDA DAPAT MELIHAT BAHAWA SEGALA KEBAHARUAN YANG BOLEH DILIHAT HAMPPIR PADA SEMUA PERKARA DI NEGARA INI ADALAH HASIL USAHA GIGIH MALAYSIA SELEPAS IA MENCAPAI KEMERDEKAAN.+

—BERSAMBUNG 1745/HM

B569

MAHATHIR — PELABUR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA SEMASA DIADAKAN ROMBONGAN PELABURAN KE SEBERANG LAUT BARU-BARU INI, MALAYSIA MENDAPAT BAHAWA ADA SEBUAH NEGARA YANG BERBAHASA INGGERI YANG BANKRUPT, DAWAN PERNIAGAAN DAN KERAJAANNYA KURANG SANGAT MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENAJA SEMINAR ROMBONGAN II-U.

+SEBALIKNYA KERAJAAN FINLAND DAN RAKYATNYA TELAH BERUSAHA SESEKELUAS UPAYANYA UNTUK MENJAYAKAN SEMINAR PELABURAN KAMI. AYA

+TIDAK HAIRANLAH, SIKAP KAMI UNTUK BERDAGANGAN DI SAMPING MENGADAKAN LAIN-LAIN URUSAN EKONOMI DIPENGARUHI OLEH PENGALAMAN-PENGALAMAN INI,+ KATANYA.—BERNAMA 1747/HM